

**BN Pulau Pinang Minta DAP Nyatakan Pendirian Mengenai Hudud  
Bernama  
May 9, 2014**

GEORGE TOWN, 9 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang meminta kerajaan negeri pimpinan DAP supaya menyatakan pendiriannya berhubung pelaksanaan undang-undang hudud di negara ini.

Pengerusinya Teng Chang Yeow berkata kerajaan Pulau Pinang dilihat mengelirukan rakyat apabila menyatakan perkara berbeza kini dengan dengan apa yang dinyatakannya dalam manifesto bersama-sama PAS pada pilihan raya umum ke-13 tahun lepas.

"(Ketua Menteri) Lim (Guan Eng) mengumumkan semalam bahawa kerajaan Pulau Pinang menolak hudud tetapi manifestonya pada 2013 menyatakan ia akan membenarkan PAS melaksanakan negara Islam," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata manifesto itu yang ditandatangani Lim, yang juga setiausaha agung DAP, menyatakan PAS dibenarkan melaksana negara Islam.

Menurutnya DAP perlu memberikan penjelasan kepada penduduk bukan Islam Pulau Pinang mengenai perkara itu yang disifatkannya sebagai 'penipuan politik'.

Teng, yang juga Pengerusi Gerakan Pulau Pinang, berkata kerajaan negeri juga perlu membuat penjelasan mengenai pendiriannya berhubung hudud sebelum menggesa pihak lain berbuat demikian.

Sementara itu, Naib Presiden MCA Datin Paduka Chew Mei Fun berkata parti itu akan menganjurkan seminar "Undang-undang Hudud dan Anda" di Dewan Kompleks Farlim di sini dari 2 petang hingga 5 petang Ahad ini.

Di KUALA TERENGGANU, Presiden Parti Gerakan Datuk Mah Siew Keong menyatakan kesediaannya bertemu Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang bagi membincangkan mengenai hudud.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037060>